



(76) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 44

1 Mac 2011

Ketua Pengarang,
Sin Chew Daily

Akhbar : Sin Chew Daily
Tarikh : 28 Februari 2011
Mukasurat : 4
Subjek : 9 buah jalan di Taman Mewah dikunci

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan terima kasih kepada pihak Sin Chew Daily kerana mengetengahkan isu tersebut. Pihak Kementerian khususnya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah meneliti artikel tersebut dan membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Untuk makluman, undang-undang sedia ada iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987 (seksyen 80) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (seksyen 46(1)) **secara tegas menghalang pemasangan sebarang halangan tetap di pintu masuk atau di kawasan laluan awam, termasuk di lorong tepi dan lorong belakang kediaman.**

Berdasarkan Garis Panduan Gated Community and Guarded Neighbourhood yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **hanya halangan dalam bentuk sekatan fizikal secara sementara seperti 'manual boom gate', kon dan papan tanda keselamatan yang boleh diberi pertimbangan untuk dipasang atau diletak di lokasi tertentu di jalan masuk berhadapan dengan pondok pengawal dengan syarat terdapat pengawal keselamatan bertugas mengawal sekatan tersebut selama 24 jam.**

Dalam hal penutupan 9 jalan di Taman Mewah ini, penghuni perlu melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

**Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**